

19/05/2000

Kebebasan beragama hasil kestabilan negara: Dr Fong

KUALA LUMPUR, Khamis - Rakyat harus berterima kasih dan menghargai kebebasan beragama dan mengamalkan budaya masing-masing, kata Naib Presiden MCA, Datuk Dr Fong Chan Onn.

Beliau berkata kebebasan itu dinikmati hasil kestabilan dan keamanan negara di bawah kerajaan Barisan Nasional (BN) pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Keyakinan masyarakat terhadap kerajaan sedia ada terbukti dengan kepercayaan mereka mengundi BN secara berterusan sejak negara mencapai kemerdekaan.

"Jelaslah perpaduan dan keharmonian rakyat yang berbilang bangsa di negara ini hanya dapat dikekalkan menerusi BN yang dianggotai gabungan parti politik mewakili masyarakat pelbagai kaum.

"Kesinambungan tradisi BN ini harus diteruskan bagi menjamin keutuhan perpaduan masyarakat," katanya pada perasmian bangunan Persatuan Buddhist Subang Jaya sempena Hari Wesak, hari ini.

Dr Fong, yang juga Menteri Sumber Manusia, berkata pusat keagamaan memainkan peranan penting dalam pembentukan akhlak mesyarakat, sekali gus menjadi senjata utama dalam membanteras pelbagai gejala sosial.

(END)